

Sekolah kembar pererat KL, Jakarta

BH-25/4/2007


PUTRAJAYA: Program sekolah berkembar antara Malaysia dan Indonesia yang bakal di meterai Julai ini mengeratkan lagi hubungan dua hala, khususnya dalam bidang pendidikan antara kedua-dua negara, kata Menteri Pelajaran, Datuk Seri Hishammuddin Hussein.

Hishammuddin berkata, memorandum persefahaman (MoU) yang akan ditandatangani Naib Presiden Indonesia, Jusuf Kalla dengan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, itu membolehkan pelbagai kegiatan pertukaran pelajar dan guru diadakan antara sekolah terbabit.

Katanya, persetujuan mengadakan program sekolah berkembar itu dicapai pada Persidangan Majlis Pertubuhan Menteri-Menteri Pelajaran Asia Tenggara (Seameo) ke-42 yang diadakan, di Bali, baru-baru ini.

"Program ini diharap mampu mengeratkan lagi hubungan antara pelajar dan guru di kedua-dua negara," katanya selepas menerima kunjungan hormat Menteri Pelajaran Indonesia, Prof Dr Bambang Sudibyo, di pejabatnya, di sini, semalam.

Hishammuddin berkata, program sekolah berkembar itu akan memabitkan sekolah yang pernah dihadiri pemimpin kedua-dua negara, iaitu sekolah Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan sekolah Presiden Indonesia, Presiden



ERAT HUBUNGAN: Hishammuddin bersalaman dengan Dr Bambang ketika kunjungan hormat di Putrajaya, semalam.

Susilo Bambang Yudhoyono, juga sekolah Najib dan Yusuf.

"Ia sebagai simbolik kepada program pertukaran pelajar dan guru sedia ada dengan Indonesia," katanya sambil menambah ia juga memba-

bitkan sekolah beliau dengan Dr Bambang.

Mengenai pertemuannya dengan Menteri Pelajaran Indonesia itu, Hishammuddin berkata, mereka membincangkan persiapan Malaysia men-

jadi tuan rumah Persidangan Majlis Seameo ke-43 tahun depan serta pelbagai perkara memabitkan isu pendidikan antara kedua-dua negara.

Sementara itu, Dr Bambang berkata, Indonesia berminat untuk belajar daripada Kejayaan dan pengalaman Malaysia merangka program pendidikan berkualiti untuk dilaksanakan.

"Indonesia berharap hubungan erat terjalin menerusi Seameo boleh dijadikan landasan kepada Indonesia untuk menimba pengalaman dan kepakaran Malaysia dalam bidang pendidikan," katanya.

Hishammuddin yang turut menerima kunjungan Duta China ke Malaysia, Cheng Yonghua, kemudian berkata, beliau akan mengadakan lawatan rasmi ke China pada 19 hingga 25 Mei ini atas jemputan kerajaan negara itu.

Katanya, lawatan yang turut disertai timbalannya, Datuk Hon Choon Kim, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan pihak swasta itu diharap akan menjurus kepada hubungan kerjasama lebih terbuka antara kedua-dua negara.

"Selain mengadakan perbincangan dengan Kerajaan China, saya juga akan melawat beberapa sekolah sukan dan sekolah seni bagi membantu kementerian mengukuhkan lagi pengisian Pelan Tindakan Pembangunan Pendidikan," katanya.